



## SEKADAR PENDAPAT



### *Siapakah Kita Ini: Biawak, Beruk, Katak Atau Pemimpin? oleh Musafir Kelana (Pensyarah SPS)*

Tulisan ini berdasarkan kepada beberapa sumber bacaan saya. Malangnya saya lupa siapa penulisnya. Penulisnya memang penting untuk disebutkan. Namun, sekiranya penulisnya sudah susah untuk dikenalpasti, itu tidak bermakna kandungan tulisannya tidak boleh disebarluaskan. Apalagi, sekiranya kandungan tulisan itu memberi perenungan kepada kita untuk melakukan refleksi diri. Seperti kata-kata yang terdapat dalam tajuk tulisan ini, kesemua bacaan yang menjadi inspirasi dituliskan artikel ini, sekurang-kurangnya ingin mengingatkan kita agar kita berusaha secara ikhlas untuk menjadi pemimpin dan bukan bertingkahtaku sebagai biawak, beruk atau katak.

Menurut sumber bacaan saya itu, terdapat sekurang-kurangnya empat jenis "leader", iaitu biawak, beruk, katak dan pemimpin. Tingkahtaku pemimpin biawak didorong sifat tamak haloba untuk mendapatkan pengisi perut, tak kira sama ada makanan itu

masih segar atau pun bangkai busuk berulat, semuanya dikebas dan dikejar. Masalah pemimpin jenis ini bukan hanya bersifat sapu bersih makanan segera atau pun busuk berulat tetapi biawak biasanya mempunyai kemahuan dan kemampuan yang sangat hebat mencapai tempat setinggi mana pun demi mengejar pengisi perutnya. Masalahnya, biawak ini kalau sudah sampai kepada tempat yang tinggi, ia tidak mampu untuk turun semula ke tempat asalnya. Sekiranya ia terpaksa turun, biasanya ia harus menghadapi maut dan hidupnya harus berakhir. Itu jenis "leader" yang pertama, demi perut mampu mengejar apa sahaja ke tempat setinggi apapun, walaupun kehidupannya harus berakhir dengan kematian yang tragik.

Pemimpin berkarakter beruk dari segi motivasi serupa sahaja dengan biawak. Kedua-duanya menggunakan "leadership"-nya untuk kepentingan perut sahaja. Seperti beruk-beruk yang ada di sekitar kediaman saya di "Sintok High", mereka bukan hanya mencari

buah yang ada di dalam hutan, tetapi juga menyelongkar tong sampah dan memakan sisa-sisa makanan, termasuk yang sudah busuk. Bezanya dengan biawak, beruk-beruk ini bukan hanya memiliki kemampuan untuk mencari makanan sehingga ke tempat yang tinggi sekali pun tetapi mereka juga berkemampuan untuk turun secara selamat dan kembali ke tempat asal mereka.

Katak pun memiliki persamaan dengan biawak dan beruk. Kesemuanya memberikan keutamaan untuk mengisi perut mereka. Tetapi "leader" jenis katak ini agak menarik tingkahlakunya. Sebagai "leader", jenis katak ini akan menyepak ke belakang, menyikuk kanan dan kiri, malahan kepalanya pun boleh digunakan untuk menanduk (walaupun katak tidak mempunyai tanduk) penghalang yang ada di depannya. Walaupun demikian, katak ini mempunyai lidah yang boleh digunakan untuk menjilat benda-benda yang boleh bermanfaat baginya.

Bagaimana pula dengan "leader" yang dikategorikan sebagai pemimpin.

"Leader" jenis ini motivasinya bukan memberi keutamaan kepada tuntutan perut. Pemimpin jenis ini juga menyedari bahawa perut itu perlu diisi. Tetapi dia harus dapat membezakan yang mana makanan yang segar dan menyihatkan dengan makanan yang busuk penuh kuman penyakit. Pemimpin ini mengisi perutnya setakat yang cukup untuk keperluan hidup dan tidak membudayakan makan berlebihan sehingga menjadikan nafasnya menjadi sesak. Yang dipentingkan oleh pemimpin ini adalah konsep amanah. Amanah untuk tidak menyalahgunakan kuasa yang ada padanya dan amanah terhadap harta benda yang ada di bawah jagaannya. Amanah ini dilaksanakan dengan mendahulukan sikap kasih sayang dan tidak mudah atau mengutamakan sikap menunjuk kuasa untuk menghukum orang lain. Cuba renungkan, bukankah kita sependapat bahawa kita semuanya sebenarnya ingin menjadi PEMIMPIN? Atau adakah di antara kita ini lebih sesuai untuk di kategorikan sebagai "leader" jenis biawak, beruk atau katak?

